

# Khemah, alatan niaga 'terbang'

**Ribut, angin kencang melanda sebahagian besar negeri ini kelmarin**

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

**R**ibut melanda Dataran Shahbandar dan Pantai Batu Burok kira-kira jam 9 malam kelmarin menyebabkan sebuah khemah 'diterbangkan' angin sehingga menghalang laluan di Jalan Sultan Mahmud, di sini.

Kejadian yang berlaku ketika umat Islam menunaikan solat tarawih itu turut menyebabkan beberapa pokok

tumbang sekali gus menyebabkan kesesakan lalu lintas di beberapa laluan.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Che Adam Abdul Rahman berkata, pihaknya menerima empat laporan pokok tumbang semasa kejadian ribut dalam tempoh singkat itu.

Menurutnya, sebanyak dua kes dilaporkan berlaku di Kampung Atas Tol, satu kes di Kg Tanjung Sabtu, Manir manakala satu lagi kejadian berhadapan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak.

"Kesemua pokok tumbang termasuk khemah diterbangkan angin yang merintang jalan di Batu Burok telah diambil tindakan bagi melancarkan perjalanan trafik di laluan terlibat," katanya.



Gambar tular menunjukkan khemah di Batu Burok diterbangkan angin ketika ribut kuat melanda Kuala Terengganu, malam kelmarin.

Menurutnya, selain ribut yang melanda daerah Kuala Terengganu, angin kencang turut melanda sebahagian besar negeri ini iaitu di Setiu,

Marang, Kemaman dan Dungun.

Bagaimanapun, katanya, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan hanya seorang

individu mengalami kecederaan ringan dan telah mendapatkan rawatan dalam kejadian ribut di Dataran Shahbandar.

Che Adam berkata, berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, implikasi perubahan angin Monsun Barat Daya bermula kelmarin menyebabkan berlaku pengumpulan awan pada lewat petang hingga ke malam.

"Keadaan ini menyebabkan berlaku hujan dan ribut di kawasan pantai timur dan sedikit kawasan pantai barat. Situasi ini dijangka berlaku hingga pertengahan bulan ini.

"Lewat petang hingga malam ini (semalam) dijangka berlaku hujan dan ia dijangka berlanjutan dalam tempoh sehari dua lagi.

"Jadi, kita harap orang ramai dapat sentiasa berwaspada bagi memastikan tiada kejadian tidak diingini berlaku," katanya kepada *Sinar Harian*.